

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai kelompok Syiah di Malaysia dan statusnya dari sudut keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks Malaysia, terdapat tiga jenis kumpulan Syiah yang dikesan. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah **Syiah Taiyibi Bohra (Dawood Bohra), Syiah Ismailiyah Agha Khan dan Syiah Ja'fariyah @ Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah (Imam Dua Belas)**. Daripada kesemua pecahan ini, Syiah Ja'fariyah @ Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah (Imam Dua Belas) adalah kumpulan majoriti berbanding aliran lain yang berkembang dalam kelompok mereka sahaja.

Pendirian Kerajaan terhadap ketiga-tiga kumpulan tersebut adalah berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang diadakan pada 5 Mei 1996 yang memutuskan **bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikuti ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah (ASWJ) dari segi akidah, syariah dan akhlak.**

Di samping kumpulan-kumpulan tersebut yang melibatkan warga tempatan, terdapat juga sekelompok fahaman Syiah dari kalangan warga negara asing (*khususnya negara Iran*) yang menetap di Malaysia sama ada untuk bekerja, belajar ataupun menemani ahli keluarga mereka. Kumpulan ini bebas mengamalkan fahaman mereka. Walau bagaimanapun, mereka terikat kepada larangan menyebarkan kepada warga tempatan.

Sekian, terima kasih.